

ANARKI DUNIA - PEMBENTUKAN ORDE YANG SEMAKIN RUMIT

Oleh : The Six Phoenix

Thomas Kuhn di dalam bukunya yang bertajuk *The structure of scientific revolutions* mengatakan "untuk diterima sebagai satu paradigm, sesuatu teori itu mestilah lebih baik daripada pesaingnya walaupun ia tidak perlu, malah tidak pernah menjelaskan fakta yang ditemuinya". Memang benar jika diteliti daripada situasi kartografi geopolitik dunia pada masa ini, adalah amat sukar untuk menafsir apakah atau kemanakah langkah seterusnya didalam permainan percaturan dunia.

Seperti tidak ada petunjuk yang berguna bagi menggambarkan perkara sebenar yang berlaku, hakikatnya keadaan anarki ataupun ketiadaan kuasa autoriti bagi mengimbangi kuasa dunia mengakibatkan kekacauan terus berlaku di setiap pelusuk dunia. Samada dirancang ataupun tidak, realitinya keadaan berkecamuk di dalam sistem dunia memburukkan lagi proses imbangan kuasa antara "blok Barat", "dunia Islam" mahupun "China Raya".

Imej Perang dingin seperti yang disuarakan Harry Truman bagi menggambarkan landskap antarabangsa sepertinya semakin kabur dengan munculnya aktor-aktor baru yang menjadi *highlight* di kaca TV mahupun di dada-dada akhbar. Siri-siri pengeboman samada di Kota Paris mahupun Jakarta dan Ankara membuatkan dunia sekali lagi terpinga-pinga mencari siapa sebenarnya *The fifth column* yang sentiasa menanti menarik picu bagi dunia sekali lagi membilang angka korban, bagi dunia mengalihkan lensa kamera kearah negara yang menjadi sasaran. Namun apa yang pasti, percaturan bijak ini telah menjangkau teori-teori, paradigm mahupun konsep hubungan antarabangsa. Seperti kita hidup di dunia yang lain. Kita hanya mampu menanti dan bersedia, debaran ledakan pemusnah seakan bersedia memecahkan gegendang. Siapa lagi mangsa seterusnya?

Samuel P. Huntington di dalam karya agungnya *The Clash of Civilizations and The Remaking of the New World Order* dengan memberi gambaran analisis kepada percaturan politik selepas pasca Perang Dingin perlu diambil kira. Beliau ada menyatakan bahawa kuasa Barat semakin merosot mungkin dijadikan penanda aras bagi actor-aktor baru bagi meluaskan kuasa ataupun digunakan Kuasa Barat sendiri bagi memastikan Kuasa dunia masih akan terus dipegang mereka untuk beberapa dekad lagi. Kegagalan pakatan hasil pecahan Soviet untuk merampas kuasa ataupun hanya untuk mengimbangi kuasa Eropah dilihat sebagai kelemahan utama yang membawa kepada berlakunya konflik yang berpanjangan di seluruh dunia.

Konflik yang berterusan di negara dunia ketiga dan juga negara-negara Timur Tengah dilihat seperti tidak ada penghujungnya. Jika benar Soviet telah tumbang maka Amerika sendiri juga tidak pernah menang.

Di negara Timur Tengah, Demokrasi tidak pernah bertapak sekalipun Saddam dan Ghadaffi telah menemui pengakhiran yang mengerikan. Jika benar Demokrasi itu mampu membawa keamanan sejagat, maka sudah lama perbalahan terhenti di Iraq dan Libya. Namun, scenario yang terus berlaku telah jelas memperlihatkan bahawa kuasa Eropah sendiri tidak lagi mampu untuk mentadbir dan menerajui sistem politik antarabangsa.

Manakala di Negara Asia Tenggara seperti Malaysia dan Indonesia mengalami peralihan demokrasi yang lebih ekstrim, bagi negara yang majoritinya beragama Islam dimana ancaman Liberalisme semakin berakar umbi. Hak Asasi sesebuah negara tidak boleh disamakan dengan negara yang lain. Apatah lagi dua negara yang mempunyai agama yang berlainan dan juga bangsa yang berlainan. Untuk lebih memahami "Peta Hak Asasi" Malaysia dan Indonesia, Model Eropah ataupun Timur Tengah tidak boleh disamakan dengan model Malaysia dan Indonesia.

Misalnya di Malaysia, penerimaan Liberalisme di negara ini bergantung kepada Undang-Undang Tertinggi ataupun Perlembagaan yang dipegang sejak dari merdeka lagi. Perkara 3 (1) Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. Perkara berkaitan dengan agama lain disambung dengan lebih lanjut pada Perkara 11. (*Rujuk Perlembagaan Malaysia untuk bacaan yang lebih lanjut*).

Disaat dunia sedang hanyut menyaksikan badai menimpa Syria, kuasa-kuasa eropah sedang asyik memainkan watak merancang strategi. Latihan Perang 20 negara Islam dicuit lagi dengan gegaran Istanbul dan Ankara. Tidak mustahil putaran roda akan beralih arah sekali lagi kerana strategi bagi menidakkan pelan damai belum mampu mencapai penghujung. Aliran peta dunia sekali lagi menjadi tanda Tanya.

Dimanakah krisis ini akan berakhir? Blok manakah yang akan memenangi permainan yang dilihat sungguh mendebarkan. Adakah akan berlakunya Perang bagi menamatkan segala perang sekali lagi? Perlu diingat, putaran roda ini masih belum berhenti. Dan dunia masih menanti, wilayah mana lagi yang akan digegarkan?

Siapakah juara terulung akan dinobatkan untuk memerintah dunia dalam tempoh beberapa dekad yang seterusnya?

Jika benar seperti apa yang dikatakan oleh Samuel P. Huntington. Perang Salib moden ini semakin sengit. Namun Kekuatan negara Islam masih belum mampu bangkit untuk menandingi kekuatan negara Barat. Walaupun dunia Islam sudah tersedar bahawa mereka harus bangkit dari zaman kegelapan ini, namun perubahan ataupun cara terbaik untuk membentuk kesatuan masih menemui jalan buntu. Samada bangkit menentang ataupun terus hanyut menerima sahaja kelemahan-kelemahan yang tidak mampu ditutupi. Sudah menjadi kelaziman yang kuat akan melakukan apa sahaja dengan kuasa yang mereka ada dan yang lemah akan menerima apa sahaja akibat dari kelemahan mereka sendiri. Dunia juga masih menanti apakah China akan terus dengan tirai besinya atau sebenarnya menunggu masa untuk meledakkan sisa-sisa dendam yang selama ini hanya didiamkan.

#thesixphoenix #tsp